

**NOR JANAH**

Idea terbaik ubah KL bakal diumum

DEBARAN lapan finalis Cabaran Urban KL Kreatif semakin memuncak menjelang tamatnya tempoh penilaian awam menerusi undian secara atas talian pada minggu depan.

Cabaran tersebut merupakan satu peraduan anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi mendapatkan idea mengatasi isu-isu urban di ibu kota.

Lapan finalis tersebut adalah Arus Oil, Asia Mobiliti Technologies, Entomal BioTech, getBiiB.com, Moore Authentics, Natalie Loi Yoke Kei, TRYKE dan NakSeni.

Projek dengan jumlah undian tertinggi akan diumumkan sebagai pemenang hadiah utama Cabaran Urban KL Kreatif.

Pemenang akan diberi sehingga RM200,000 dalam bentuk pembayaran untuk melaksanakan projek penyelesaian mereka.

Pemenang hadiah utama dan sagu hati akan diumumkan di sebuah majlis anugerah pada 26 September ini.

Menurut Timbalan Pengarah, Sektor Perancangan Fizikal, Jabatan Perancangan Bandar DBKL, Nor Janah Affandi, pihaknya berharap cadangan yang diutarakan dapat direalisasikan oleh pihak-pihak terlibat.

"Saya harap cadangan pemenang dapat dilaksanakan supaya kita dapat mengubah Kuala Lumpur daripada biasa-biasa ke luar biasa."

"Visi kami adalah bandar untuk semua. Ini bermaksud tanggungjawab terhadap bandar ini bukan semata-mata di bahu DBKL.

"Namun, ia memerlukan penglibatan semua pihak untuk sama-sama merancang supaya bandar kita berada dalam keadaan terbaik," katanya.

Sejak Jun lalu, lebih 70 peserta dalam kalangan inovator, komuniti dan usahawan membentangkan pelbagai penyelesaian kreatif untuk mengatasi isu-isu urban di Kuala Lumpur.